

## AMALAN WAKALAH PENGURUSAN ZAKAT DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

### *Practice of The Wakalah In Zakat Management at Malaysia Higher Education Institutions*

Azman Ab Rahman<sup>1a\*</sup>, Ammar Badruddin Bin Romli<sup>2b</sup>, Muhammad Faiz Abd Shakor<sup>3c</sup>, Mohd Noor Bin Daud<sup>4d</sup> and Azme Matali<sup>5e</sup>

<sup>a</sup>Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, 71800, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
E-mail: [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)<sup>1</sup>

<sup>b</sup>Jabatan Matematik dan Pengajian Umum, Politeknik Bagan Datuk, Perak  
E-mail: [amar@edu.my](mailto:amar@edu.my)<sup>2</sup>

<sup>c</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia  
E-mail: [faizshakorkisas@gmail.com](mailto:faizshakorkisas@gmail.com)<sup>3</sup>

<sup>d</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak  
E-mail: [mohd.noor@fsk.upsi.edu.my](mailto:mohd.noor@fsk.upsi.edu.my)<sup>4</sup>

<sup>e</sup>Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.  
E-mail: [azme.hjmatali@unissa.edu.bn](mailto:azme.hjmatali@unissa.edu.bn)<sup>5</sup>

\*Corresponding Author: [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

Received: 16 August 2024

Accepted: 2 September 2024

Published: 30 September 2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no3.616>

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p>Kewujudan unit pengurusan zakat IPT dan pelantikan amil IPT telah meningkatkan keberkesanan kutipan dan agihan zakat di Malaysia. Pelantikan amil IPT adalah sesuai dengan kedudukan mereka yang lebih dekat dengan kelompok pembayar dan penerima zakat di IPT. Justeru, artikel ini akan memfokuskan kepada amalan wakalah pengurusan zakat institusi pengajian tinggi di Malaysia. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan permerhatian bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa amalan wakalah melibatkan kerjasama di antara institusi zakat dengan IPT yang terpilih. Pelaksanaannya adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh institusi zakat negeri masing-masing. Kajian ini amat penting untuk dijadikan panduan model pelaksanaan wakalah dalam pengurusan zakat khususnya di institusi pendidikan di Malaysia.</p>	<p>The establishment of zakat management units at higher education institutions (IPT) and the appointment of IPT amils have improved the effectiveness of zakat collection and distribution in Malaysia. The appointment of IPT amils is suitable given their proximity to zakat payers within the IPT community. Therefore, this article will focus on the current practices of wakalah (delegation) in zakat management at higher education institutions in Malaysia. This qualitative study employs documentation and observation methods to achieve its objectives. The findings indicate that the practice of wakalah involves cooperation between zakat institutions and selected IPT. Its implementation is subject to the conditions and guidelines set by the respective state zakat institutions. This study is crucial as a guide for implementing wakalah in zakat management, particularly in educational institutions in Malaysia.</p>



This is an open-access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution License (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>), which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original author(s) and source are properly credited.

<b>Kata Kunci:</b> Wakalah, Pengurusan, Amil Zakat, Institut Pengajian Tinggi	<b>Keywords:</b> Wakalah, Management, Amil Zakat, Higher Education Institution
---	--

## 1. PENGENALAN

Pelantikan wakil oleh institusi zakat bagi menguruskan kutipan dan agihan zakat telah menjadi pemangkin dalam membantu meningkatkan keberkesanan pengurusan zakat di Malaysia. Pelaksanaan konsep wakalah pengurusan zakat yang berlandaskan prinsip syarak akan memberi rahmat yang besar kepada umat Islam khususnya golongan asnaf (Atiah Ahmad & Hairunnizam Wahid, 2014). Ia telah diamalkan sejak sekian lama dengan melibatkan peranan amil daripada pelbagai institusi dan agensi yang berfungsi sama ada untuk mengutip zakat sahaja, mengagih zakat sahaja, atau mengutip serta mengagihkannya (Muhsin Nor Paizin & Suhaili Sarif, 2021). Pelaksanaan konsep wakalah di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia yang mengutip serta mengagihkan zakat telah membantu institusi zakat mendekati muzakki dan asnaf di institusi tersebut. Amalan tersebut telah membuka peluang kepada penglibatan lebih ramai amil yang dilantik dalam kalangan kakitangan IPT untuk melibatkan diri dalam pengurusan zakat. Justeru, pelbagai usaha dilakukan bagi memastikan kompetensi amil IPT adalah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh institusi zakat.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dalam bentuk pemerhatian dan analisis dokumen. Pengumpulan data secara pemerhatian dan dokumen-dokumen yang diperlukan. Data-data yang dikumpulkan melalui sumber dokumen, kitab turath, tesis, buku dan artikel yang berkaitan. Selain itu, data daripada laman sesawang juga digunakan bagi mengumpul maklumat berkaitan pengurusan zakat di IPT. Pengumpulan data ini akan dianalisis secara deskriptif berpandukan kepada objektif kajian.

## 3. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 3.1. Konsep Wakalah Pengurusan Zakat

Amalan wakalah dalam pengurusan zakat merupakan kaedah yang diperkenalkan bagi memaksimumkan kecekapan kutipan zakat serta memperkasa kualiti agihannya kepada asnaf (Atiah Ahmad & Hairunnizam Wahid, 2014). Konsep wakalah pengurusan zakat yang diamalkan di Malaysia merupakan konsep mewakilkan kuasa kepada sesuatu institusi atau badan untuk mengutip zakat dan mengagihkan sendiri wang zakat kepada golongan

asnaf yang layak melalui pemulangan semula sejumlah wang zakat yang dibayar berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan (PPZ MAIWP, 2019). Amalan konsep ini telah terbukti menunjukkan kesan yang positif terhadap peningkatan hasil kutipan zakat oleh negeri-negeri di Malaysia (Sanep Ahmad et.al, 2006).

Amalan wakalah pengurusan zakat yang diamalkan di Malaysia pada hari ini adalah selaras dengan amalan Rasulullah SAW yang melantik wakil bagi mengutip harta umat Islam di beberapa wilayah untuk diagihkan kepada asnaf di wilayah mereka (Al-Qaradawi, 1981). Amalan ini telah bermula sebelum zaman kolonial lagi melalui kegiatan kutipan dan agihan oleh amil di peringkat kampung. Pada zaman tersebut masjid-masjid kampung telah diberi kepercayaan oleh masyarakat dan pemerintah untuk berperanan sebagai institusi pengurusan zakat tempatan (Abdul Aziz, 1993). Menurut Azman et al., masjid amat signifikan sebagai pusat tadbir urus zakat kerana fungsinya yang cukup strategik sebagai tempat pertemuan umat Islam setiap hari terutama dalam menunaikan solat secara berjemaah.

Pada hari ini amalan wakalah pengurusan zakat dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan agihan zakat dengan menumpukan asnaf-asnaf di lokasi tumpuan pembayar zakat seperti institusi pengajian tinggi, sekolah, masjid, surau dan firma kewangan (Muhsin Nor Paizin & Suhaili Sarif, 2019). Pelaksanaan amalan ini melibatkan pengembalian semula hasil kutipan oleh institusi zakat negeri iaitu dengan kadar 37.5% kepada institusi wakalah (institusi pengajian tinggi, sekolah, masjid, surau dan syarikat perusahaan). Manakala kadar 25% wang zakat pula dikembalikan kepada individu (Muhammad Fakhrurrazy, 2021).

Walaupun kuasa agihan zakat telah diturunkan kepada wakil yang dilantik, namun proses agihan tetap dipantau apabila wakil yang dilantik perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh institusi zakat. Misalnya wakil di institusi pengajian tinggi hanya perlu mengagihkan zakat kepada asnaf miskin, fisabilillah dan gharimin sahaja (Atiah Ahmad & Hairunnizam Wahid, 2014). Manakala wakil bagi masjid dan surau hanya perlu mengagihkan kepada asnaf fisabilillah sahaja. Kebiasannya, sebuah jawatankuasa yang dianggotai bersama pegawai institusi zakat dan wakil institusi wakalah akan ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan dan proses agihan zakat kepada asnaf (Muhsin Nor Paizin & Suhaili Sarif, 2019).

Menurut Muhsin et al. (2021), terdapat tiga bentuk wakalah dalam pengurusan zakat di Malaysia iaitu wakalah dasar pengembalian wang zakat, wakalah amil IPT, dan wakalah ejen kutipan zakat. Wakalah dasar pengembalian wang zakat

ialah wakil hanya diberi kuasa mengenal pasti asnaf serta menyalurkan dana zakat kepada mereka. Wakalah amil IPT pula ialah wakil ditugaskan mengagihkan zakat pada masa yang sama menerima zakat dalam kalangan warga IPT tersebut. Manakala wakalah ejen kutipan zakat pula ialah wakil hanya diberi kuasa menjalankan kutipan zakat sahaja seperti ejen-ejen firma yang membantu menerima zakat dengan bayaran komisen atas usaha yang dijalankan.

Institusi wakalah yang menerima pakai konsep ini bertanggungjawab memastikan keseluruhan proses adalah menepati garis panduan serta mencapai objektif yang telah disasarkan. Institusi wakalah yang besar seperti institusi pengajian tinggi (IPT) perlu melantik sejumlah pegawai yang mencukupi bagi mengendalikan operasi kutipan dan agihan zakat. Hal ini kerana, selain mengurus kutipan dan agihan zakat, mereka turut berfungsi sebagai pemudah cara antara institusi zakat dengan pembayar zakat dan asnaf di IPT. Sehubungan itu, kebanyakan IPT telah mengambil inisiatif menubuhkan pusat atau unit pengurusan zakat sendiri dengan melantik amil serta mewujudkan kaunter zakat bagi memudahkan urusan mereka.

### **3.2 Amalan Wakalah Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi**

Konsep wakalah pengurusan zakat di institusi pengajian tinggi (IPT) mula dilaksanakan pada tahun 1998 apabila Lembaga Zakat Selangor (LZS) di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memberi kuasa kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk mengutip zakat daripada warga UiTM serta mengagihkannya kepada asnaf fakir, miskin, muallaf, fisabilillah dan amil di institusi berkenaan (Baharuddin Sayin et.al, 2014).

Amalan wakalah ini telah diperluaskan ke negeri-negeri yang lain melalui penglibatan dan kerjasama di antara institusi zakat dengan IPT yang terpilih. Pelaksanaannya adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh institusi zakat negeri masing-masing. Jadual 1 menunjukkan Unit Pengurusan Zakat IPT di Malaysia.

**Jadual 1. Unit Pengurusan Zakat IPT di Malaysia**

<b>Negeri</b>	<b>Nama IPT</b>	<b>Unit Pengurusan Zakat</b>
<b>Selangor</b>	Universiti Teknologi Mara	Pusat Zakat, Sedekah & Wakaf
	Universiti Putra Malaysia	Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat & Endowmen (WAZAN)
	Universiti Kebangsaan Malaysia	Unit Zakat UKM


	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Unit Zakat & Latihan UIAM
	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	Bahagian Zakat, Wakaf & Infaq
	Universiti Tenaga Nasional	Tabung Amanah Zakat UNITEN
	Universiti Multimedia Malaysia	Tabung Amanah Zakat MMU
	Universiti Selangor	Unit Zakat Pusat Islam UNISEL
	Management And Science University	Unit Zakat MSU
<b>Perak</b>	Universiti Pendidikan Sultan Idris	Unit Zakat & Kebajikan UPSI
	Universiti Teknologi Petronas	Unit Pengurusan Zakat & Waqaf
	Politeknik Ungku Omar	Unit Zakat & Wakaf (UZWA)
	Universiti Kuala Lumpur	Unit Zakat UniKL
	Politeknik Sultan Azlan Shah	Tabung Amanah Zakat PSAS
<b>Pulau Pinang</b>	Universiti Sains Malaysia	Pejabat Zakat, Waqaf & Infaq (ZAWAIN)
<b>Kedah</b>	Universiti Utara Malaysia	Bahagian Wakaf, Zakat & Endowmen UUM
	Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah	Tabung Amanah Zakat POLIMAS
	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah	Tabung Amanah Zakat PTSB
<b>Negeri Sembilan</b>	Universiti Sains Islam Malaysia	Pusat Wakaf & Zakat (PWZ)
<b>Johor</b>	Universiti Teknologi Malaysia	Unit Zakat dan Kebajikan, Pusat Islam UTM
	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	Unit Zakat Pusat Islam UTHM
<b>Melaka</b>	Universiti Teknologi Melaka	Unit Pentadbiran, Helwa & Zakat, Pusat Islam UTEM

Sumber: Laman Sesawang Unit Pengurusan Zakat Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Kerjasama di antara pihak IPT dan institusi zakat dalam aspek pengurusan zakat adalah sejajar dengan polisi Kementerian Pengajian Tinggi yang prihatin terhadap hak dan kebajikan pelajar di kampus. Usaha ini menepati sasaran lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu meningkatkan kemampuan kewangan bagi memberi sokongan kepada pelajar dari latar belakang sosioekonomi yang

memerlukan bantuan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Penubuhan unit pengurusan zakat IPT yang menyelaras dana zakat amat penting dalam usaha memastikan tiada pelajar yang dinafikan akses kepada pendidikan tinggi disebabkan oleh faktor kewangan. Secara tidak langsung ia mengurangkan kebergantungan IPT terhadap sumber kewangan kerajaan untuk membela kebijakan pelajar terutama golongan asnaf.

Penubuhan unit pengurusan zakat IPT telah membantu dalam penyediaan keperluan asnaf berupa pembiayaan yuran pengajian, buku dan alatan tulis, dan wang saku yang secara tidak langsung meningkatkan motivasi mereka untuk terus fokus dalam menimba ilmu pengetahuan (Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahhuddin Din, 2018). Pelaksanaannya adalah selaras dengan maqasid prinsip-prinsip agihan zakat iaitu pengawasan (*muraqqabah*), mencukupi (*kifayah*) dan segera (*fauran*) di mana amil zakat akan memastikan bantuan zakat disalurkan dengan telus, mencukupi dan cepat dengan aspek pemantauan daripada pihak pengurusan IPT dan MAIN (Muhammad Syukri, 2006). Perkara ini seperti yang dijelaskan dalam rajah 2.2.



**Rajah 2.** Struktur Agihan Zakat IPT. Diadaptasi daripada Muhammad Rizal et al., 2017

Amalan agihan zakat di IPT adalah menepati prinsip maqasid agihan demi untuk membangunkan sahsiah pelajar bagi melahirkan insan yang cemerlang di dunia dan akhirat melalui fungsi yang dilaksanakan oleh amil IPT. Peranan ini perlu dilakukan dengan cekap dan profesional serta menepati garis panduan yang ditetapkan institusi zakat. Justeru itu, pelantikan amil yang layak merupakan suatu keperluan yang wajar dilaksanakan oleh pihak pentadbir IPT.

Kebiasaannya, amil IPT adalah dilantik dalam kalangan pegawai IPT daripada pelbagai gred dan perjawatan yang bertugas di institusi berkenaan (Baharuddin Sayin et.al, 2014). Pada peringkat awal, senarai nama calon amil IPT akan diserahkan oleh pihak pentadbir IPT kepada institusi zakat untuk disaring terlebih dahulu sebelum ditauliahkan sebagai amil zakat. Mereka kemudiannya perlu menyertai bengkel pengurusan zakat secara berkala yang dianjurkan oleh institusi zakat negeri (Azman Ab Rahman, 2016). Pengisian dalam bengkel ini mendedahkan secara terperinci tentang peranan amil, jenis dan kaedah pengiraan zakat, fatwa zakat dan perundangan zakat mengikut negeri masing-masing (Azman Ab Rahman, 2014).

Terdapat dua kaedah pemilihan amil IPT iaitu sama ada secara temu duga atau pemilihan secara rawak (Rosliza @ Rosli Mahmud, 2017). Pemilihan secara temu duga adalah melalui permohonan calon berdasarkan iklan yang dikeluarkan secara dalaman oleh pentadbir IPT. Calon yang memohon akan disenarai pendek sebelum dipanggil untuk menghadiri temu duga. Manakala pemilihan secara rawak pula dibuat oleh pentadbir IPT berdasarkan kelayakan pegawai untuk menguruskan zakat. Kriteria minimum yang diperlukan untuk pelantikan amil IPT ialah calon mestilah seorang muslim yang mengetahui tentang hukum-hakam berkaitan zakat, mahir dalam asas perakaunan zakat, serta berkeupayaan secara fizikal untuk melaksanakan tugas amil. Syarat pelantikan dan pentauliahan amil ini adalah tertakluk di bawah enakmen pentadbiran Islam negeri dan garis panduan yang dikeluarkan oleh institusi zakat negeri masing-masing.

Menurut Baharuddin et al. (2014), amil IPT diberi kuasa mengutip semua jenis zakat harta yang merangkumi zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat wang simpanan, zakat saham, zakat KWSP, zakat pertanian, zakat ternakan, dan zakat emas dan perak melalui potongan gaji kakitangan atau secara tunai. Tugas mereka adalah seperti tugas amil lapangan yang lain iaitu, mengira harta yang perlu dikeluarkan zakat, mengutip zakat, menyimpan hasil kutipan zakat (mengikut tempoh yang dibenarkan), menyerahkan hasil kutipan kepada institusi zakat, dan menyediakan rekod kutipan untuk diaudit. Selain itu, amil IPT turut ditugaskan untuk menyampaikan ceramah atau taklimat berkenaan kewajipan menunaikan zakat kepada kakitangan IPT serta menjadi perunding zakat apabila diperlukan.

Manakala dalam aspek agihan pula, amil IPT ditugaskan untuk menghebahkan iklan permohonan zakat, memproses permohonan, memanggil calon asnaf untuk ditemu duga, menemu duga calon asnaf, mengagihkan wang zakat, serta merekod dan menyediakan laporan agihan untuk diaudit apabila diperlukan. Mereka juga terlibat sama dalam penganjuran aktiviti berbentuk

program kerohanian, motivasi, kepimpinan, dan keusahawanan yang menggunakan sepenuhnya dana zakat. Malah, amil diberi tugas tetap untuk menyampaikan taklimat agihan zakat kepada pelajar-pelajar baharu setiap kali semester baru bermula.

Selain menguruskan kutipan dan agihan zakat, amil IPT juga terlibat secara langsung dengan penetapan polisi berbentuk skim agihan, syarat kelayakan asnaf, prosedur permohonan zakat, dan jumlah agihan zakat melalui keanggotaan mereka dalam Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat IPT. Mereka juga digalakkan untuk menghasilkan inovasi bagi memastikan urusan kutipan berjalan dengan efisien serta menyelesaikan karenah birokrasi dalam aspek agihan zakat.

#### **4. KESIMPULAN**

Kewujudan unit pengurusan zakat IPT dan pelantikan amil IPT telah meningkatkan keberkesanannya kutipan dan agihan zakat di Malaysia. Pelantikan amil IPT adalah sesuai dengan kedudukan mereka yang lebih dekat dengan kelompok pembayar zakat di IPT. Selain itu, mereka juga lebih hampir dengan golongan asnaf yang perlu dibantu khususnya dalam kalangan asnaf fakir, miskin, dan fisabilillah yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan IPT itu sendiri. Oleh yang demikian, peranan yang dimainkan oleh amil IPT ini adalah bertepatan dengan prinsip maqasid agihan zakat yang telah ditetapkan oleh para ulama

#### **5. PENGHARGAAN**

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak USIM kerana membayaya sepenuhnya kajian ini di bawah Projek Penyelidikan Geran Sepadan Antarabangsa, dengan tajuk Pembangunan Modul Profesional Dan Kompetensi Amil Zakat Di Malaysia Dan Brunei Darussalam, Kod Penyelidikan USIM/MG/UNISSA/IFFAH/SEPADAN-A/72224. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

## 6. RUJUKAN

- Abd Aziz Muhammad. (1993). *Zakat & Rural Development in Malaysia*, Kuala Lumpur: Berita Publishing
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1981). *Fiqh al-Zakah Dirāsah Muqaranah li Aḥkamiha wa Falsafatiha fi Daw' al-Qurān wa al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah
- Atiah Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2014). Kontrak Wakalah dalam Agihan Zakat: Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Dlm. *Pengurusan Zakat di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*. Hairunnizam Wahid et al. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 171-186
- Azman Ab Rahman, Ahmad Anis Muhd Fauzi, Abdulsoma Thoarlim. (2016). The Development of an Intergrated Model for Amil Zakat in Malaysia. *International Journal of Islamic Business Ethics*. 1 (2)
- Azman Ab Rahman. (2014). Modul Pengurusan Amil Zakat Malaysia. Nilai: Penerbit USIM. h. 1
- Baharuddin Sayin, S. Salahudin Suyurno, & Nazrudin Hashim. (2014). Pengurusan Zakat Model UiTM. Shah Alam: Penerbit UiTM. h.48;
- Muhammad Rizal Jalil, Hairunnizam Wahid, & Sanep Ahmad. (2017). Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan. *Journal of Fatwa Management and Research*. 10(1). h. 54.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2015 (Pendidikan Tinggi). Putrajaya
- Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahhuddin Din. (2014). Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi. Prosiding Seminar Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman dan Hala Tuju, Universiti Teknologi MARA. Shah Alam: Penerbit UiTM. h. 245
- Muhammad Fakhrurrazy Md Ariff. (2021). Konsep Wakalah: Pengalaman Pusat Pungutan Zakat – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Dlm. Muhammad Ikhlas Rosele, Mohamad Noor Sahidi Johari & Muhsin Nor Paizin. (2021). *Dimensi Baharu Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur : PPZ MAIWP. h. 367

Muhammad Syukri Salleh. (2006). Lokalisasi Zakat: Satu Cadangan Teoritis. Dlm. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir. (2006). Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan. Bangi: Penerbit UKM

Muhsin Nor Paizin & Suhaili Sarif. (2019). Analisis Sistem Perwakilan dalam Pengurusan Zakat di Malaysia: Kajian di Negeri Terpilih. Proceeding of International Conference on Zakat, Tax, Waqf, and Economic Development. h. 298

Muhsin Nor Paizin & Suhaili Sarif. (2021). Limitasi Penggunaan Konsep Wakalah dalam Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*. 8(1). h. 202

Pusat Pungutan Zakat MAWP. (2019). Kertas Dasar Pengurusan Wakalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur: PPZ MAIWP

Rosliza@Rosli Mahmud. (2017). Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Kajian di Beberapa Universiti di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. UKM. h. 198

Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid, & Adnan Mohamad. (2006). Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies*. 13(2). h. 175-196

#### ***Disclaimer***

*The views expressed in this article are those of the author. Journal of Fatwa Management and Research shall not be liable for any loss, damage, or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.*